

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 11/2024

KDNK MALAYSIA

ST3 2024: 5.3% (ST2 2024: 5.9%)

Perkhidmatan



Pembuatan



Pertanian



Perlombongan & pengkuarian



Pembinaan



 Pertumbuhan ST3 2024  Sumbangan ST3 2024

PENGELUARAN



Pengeluaran Buah Tandan Segar (Kelapa Sawit)

Okt 2024: 9,048,171 tan metrik ▼ -6.5%

Sept 2024: 9,243,598 tan metrik ▼ -1.1%



Pengeluaran Getah Asli

Sept 2024: 30,929 tan metrik ▼ -5.6%

Ogos 2024: 35,908 tan metrik ▲ 14.7%



Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

ST3 2024: ▲ 3.9%

ST2 2024: ▲ 4.5%



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

ST3 2024: RM483.2b ▲ 6.5%

ST2 2024: RM464.2b ▲ 5.7%



Hasil Sektor Perkhidmatan

ST3 2024: RM618.5b ▲ 5.9%

ST2 2024: RM607.1b ▲ 6.8%



Indeks Volum Perkhidmatan

ST3 2024: ▲ 5.6%

ST2 2024: ▲ 6.7%

SEKTOR LUARAN



Eksport

ST3 2024: RM384.1b ▲ 7.8%

ST2 2024: RM368.7b ▲ 5.8%



Import

ST3 2024: RM359.0b ▲ 20.8%

ST2 2024: RM336.8b ▲ 15.0%

PASARAN BURUH



Bilangan Penduduk Bekerja

ST3 2024: 16.72 juta orang ▲ 2.9%

ST2 2024: 16.59 juta orang ▲ 2.8%



Kadar Pengangguran

ST3 2024: 3.2%

ST2 2024: 3.3%

HARGA



Indeks Harga Pengguna (IHP)

ST3 2024: ▲ 1.9%

ST2 2024: ▲ 1.9%



Indeks Harga Pengeluar (IHPR)

ST3 2024: ▼ -0.2%

ST2 2024: ▲ 1.6%



Prestasi positif dalam pertumbuhan ekonomi, pasaran buruh dan sektor luaran menyokong kepada persekitaran ekonomi yang stabil

- Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan 5.3 peratus pada ST3 2024, tumbuh perlahan berbanding 5.9 peratus pada suku tahun sebelumnya, dengan sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pembinaan menjadi penyumbang utama dari segi penawaran. Dari segi permintaan, pertumbuhan dipacu terutamanya oleh penggunaan swasta, serta perbelanjaan yang lebih tinggi bagi pembentukan modal tetap kasar.
- Pada ST3 2024, IPP mencatatkan peningkatan 3.9 peratus, didorong oleh pertumbuhan dalam sektor Pembuatan dan Elektrik. Sementara itu, nilai jualan sektor Pembuatan menunjukkan pertumbuhan 6.5 peratus mencecah RM483.2 billion, terutamanya disumbangkan oleh subsektor Makanan, minuman & tembakau (12.3%) dan produk Elektrik & elektronik (8.1%).
- Sektor Perkhidmatan menjana jumlah hasil sebanyak RM618.5 bilion pada ST3 2024, mencerminkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 5.9 peratus, dipacu oleh segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman, dan Penginapan, yang secara kolektif menyumbang RM469.5 bilion.
- Kadar inflasi Malaysia menyederhana 1.8 peratus pada September 2024. Pertumbuhan ini kebanyakannya didorong kumpulan utama seperti Penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan (3.1%); Pengangkutan (1.1%). Indeks Harga Pengguna bagi Oktober 2024 meningkat 1.9 peratus. Namun begitu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) menyusut 2.1 peratus tahun ke tahun pada September 2024 dipengaruhi oleh kejatuhan dalam sektor Perlombongan (-16.1%) dan sektor Pembuatan (-15.1%).
- Melihat kepada transaksi perdagangan Malaysia dengan seluruh dunia, Imbangan Akaun Semasa kekal mencatatkan lebihan, dengan jumlah RM2.2 bilion pada ST3 2024, berbanding RM8.2 bilion pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Aliran masuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) melonjak kepada RM14.5 bilion kebanyakannya dari SIngapore, Hong Kong dan Switzerland. Sementara itu, Pelaburan Langsung ke Luar Negara (DIA) mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih tinggi RM18.9 bilion kebanyakannya ke Saudi Arabia, Indonesia dan Canada.
- Jumlah perdagangan Malaysia meningkat 13.7 peratus kepada RM743.2 bilion, disumbangkan oleh peningkatan eksport barangan 7.8 peratus (384.1 bilion) dan pertumbuhan import 20.8 peratus (RM359.0 billion). Hasilnya, lebihan dagangan mencatatkan RM25.1 bilion. Bagi Oktober 2024, jumlah perdagangan meningkat 2.1 peratus, mencapai nilai RM244.3 bilion, eksport meningkat 1.6 peratus kepada RM128.1 bilion, manakala import mencatatkan peningkatan 2.6 peratus kepada RM116.1 bilion. Lebihan dagangan kekal dengan RM12.0 bilion.
- Pada ST3 2024, tenaga buruh berkembang 2.6 peratus tahun ke tahun kepada 17.26 juta dengan KPTB meningkat daripada 70.1 peratus kepada 70.5 peratus. Bilangan penduduk bekerja meningkat 2.9 peratus kepada 16.72 juta, manakala penganggur menurun 4.4 peratus tahun ke tahun kepada 547,900, menjadikan kadar pengangguran menurun kepada 3.2 peratus daripada 3.3 peratus pada suku sebelumnya.
- Indeks Pelopor (IP) Malaysia menunjukkan pertumbuhan tahunan yang positif 1.8 peratus pada September 2024, mencecah 111.5 mata. Meskipun begitu, prestasi bulanan IP jatuh 2.6 peratus.

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

